

## KENYATAAN CENDANA BERKENAAN PEMULIH PERUNTUKAN RM100 JUTA RINGGIT MENYOKONG INDUSTRI SENI & KREATIF TEMPATAN

---

**Damansara Perdana, 30 Jun 2021** – CENDANA memahami situasi yang dihadapi oleh para artis, artisan, dan pekerja tadbir seni budaya kesan dari pandemik wabak COVID-19. Justeru, dukungan Kerajaan ke atas sektor seni budaya melalui pengumuman PENJANA, Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA), inisiatif Bajet 2021, dan terkini Pelan Perlindungan Rakyat & Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dengan jumlah terkumpul RM429 juta untuk sektor seni budaya amatlah dialu-alukan.

Berikutan dengan itu, CENDANA menyambut baik pengumuman PEMULIH oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Jun 2021 lalu dan menurut Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas CENDANA, **Izan Satrina Mohd Sallehuddin**, "Selepas lebih dari setahun kita melalui cabaran pandemik ini, kami berterima kasih kerana kerajaan masih memberi perhatian dan sokongan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Kewangan kepada penggiat-penggiat seni budaya dan pekerja tadbir bagi mendapat sedikit ruang untuk bernafas dan bertahan sementara menanti sektor seni budaya dibenarkan beroperasi sepenuhnya semula. CENDANA berharap dapat terus membantu aktiviti pembinaan semula ekonomi seni budaya negara, membina peluang dan pekerjaan, menyokong penggiat seni budaya dan pekerja tadbir tempatan untuk terus bangkit daripada impak pandemik ini disamping membolehkan komuniti seni budaya merancang dan menghasilkan pelbagai karya supaya rakyat Malaysia dapat sembuh secara bersama, melepaskan diri dan terus menghayati seni budaya negara."

Pengerusi MyCreative Ventures Sdn. Bhd., **Noor Azmi Mat Said** pula menyatakan "Kami juga menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri melalui PEMULIH yang jelas meletakkan kepentingan industri kreatif dalam penjanaan ekonomi negara dengan peruntukan khas untuk membantu penggiat dan perusahaan industri kreatif itu sendiri. Diharap dengan adanya penambahan dan sokongan terus dari Kerajaan, dapatlah kita bersama-sama berusaha mempercepat kemenangan ke atas wabak pandemik dan seterusnya meningkatkan pencapaian ekonomi kreatif negara." tambah Noor Azmi.

Pelan PEMULIH bernilai RM 100 juta ini merupakan langkah penting untuk industri kreatif dan pastinya untuk komuniti seni budaya. **YB Dato' Saifuddin Abdullah**, Menteri Komunikasi dan Multimedia, menambah bahawa melalui peruntukan ini, lebih daripada 8,000 orang penggiat seni tanah air bakal mendapat manfaat dalam bentuk kemudahan pembiayaan dan sokongan bantuan kewangan. Peruntukan ini antaranya meliputi insentif penghasilan karya dan kandungan digital, peluang pekerjaan, program peningkatan kemahiran, caruman perlindungan di bawah PERKESO serta perolehan produk bagi tujuan produksi di televisyen, radio, dan penciptaan lagu.

Pengumuman-pengumuman PENJANA, PRISMA, Bajet 2021 dan PEMULIH mengakui cabaran yang ditimbulkan oleh pandemik ini terhadap sektor seni budaya dimana sebanyak 93% daripada penggiat seni budaya dan pekerja tadbir telah terkesan secara negatif dan 70% telah

kehilangan sebahagian besar atau seluruh punca pendapatan mereka. Oleh itu, CENDANA komited untuk terus menyokong pemulihan sektor seni budaya dimana sehingga kini, CENDANA telah menyalurkan dana kepada 1,000 penerima manfaat tempatan, menjamin pekerjaan untuk lebih dari 11,000 rakyat Malaysia serta *upskill* lebih daripada 13,000 penggiat seni budaya dan pekerja tadbir secara fizikal dan atas talian sejak penubuhan CENDANA.

Menurut salah seorang penerima pembiayaan CENDANA dan pemilik ruang Merdekarya, **Brian Gomez**, “Bajet untuk industri kreatif yang diumumkan Kerajaan amat dialu-alukan. Dengan adanya dana ini, diharap sektor kreatif dapat bertahan sehingga pembukaan penuh yang dijangka pada hujung tahun ini.”

Seterusnya, PUSAKA juga turut mengalu-alukan peruntukan PEMULIH yang disediakan untuk industri kreatif. PUSAKA merupakan rakan usahasama CENDANA bagi Program Adiguru CENDANA, sebuah program PRISMA di bawah KKMM, yang bermatlamat untuk mempertingkatkan kelestarian, keterlihatan dan pemeliharaan para adiguru kesenian tradisional atau mereka yang mengungguli kesenian tradisional di Malaysia. “Kami harap agar peruntukan PEMULIH dapat terus mendukung penggiat seni di seluruh Malaysia yang terjejas akibat wabak COVID-19 dan kuncitara yang berpanjangan, terutamanya para penggiat seni tradisional di luar bandar” jelas **Pauline Fan**, Pengarah Kreatif PUSAKA.

Bersama-sama KKMM, CENDANA akan memaklumkan sebarang perkembangan terkini dari semasa ke semasa berkenaan dengan program yang bakal dijalankan melalui platform digital rasmi kami di media sosial CENDANA Malaysia dan juga laman web kami, [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my).

Disamping usaha-usaha yang terus dilakukan untuk melibatkan dan mendapatkan maklum balas daripada masyarakat melalui perbincangan kumpulan fokus, sesi libat urus, dan usaha tinjauan, CENDANA mengalu-alukan sebarang maklumbalas dan cadangan menerusi emel kepada [info@cendana.com.my](mailto:info@cendana.com.my) atau melalui Bual Seni PEMULIH bersama Komuniti yang akan diadakan pada 1 Julai 2021, 8 malam melalui aplikasi Zoom.

#### **Mengenai CENDANA**

CENDANA dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi budaya yang rancak, lestari, dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, seterusnya meningkatkan profil seni budaya Malaysia untuk membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan meletakkan Malaysia secara strategik di pentas global. Ia disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (Syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melaporkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my).

#### **Mengenai MyCreative**

MyCreative Ventures adalah cabang pelaburan Kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2012 untuk meningkatkan industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan strategik dan inovatif. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari [www.mycreative.com.my](http://www.mycreative.com.my).

#### **Untuk maklumat lanjut pihak media, sila hubungi:**

Shazrina Kahar, *Senior Manager Communications* di tel. 017-3497746 atau emel [shazrina@cendana.com.my](mailto:shazrina@cendana.com.my)  
Falliq Effendy, *Manager Marketing Communications* di tel. 012-9321347 atau emel [falliq@cendana.com.my](mailto:falliq@cendana.com.my).